



(<https://news.uitm.edu.my/>)

# UiTM News Hub (<https://news.uitm.edu.my/>)

Official News Hub for Universiti Teknologi MARA

## Kursus Legasi Raja-Raja

📅 17/08/2021 (<https://news.uitm.edu.my/kursus-legasi-raja-raja/>) 🚩 A  
(<https://news.uitm.edu.my/author/admin/>)



**KURSUS LEGASI RAJA-RAJA**

18 Ogos 2021 (Rabu) | 8.30 pagi - 5.00 petang

Secara dalam talian - Zoom Meetings

\*\*E-sijil penyertaan disediakan kepada peserta

**ZOOM**

**OBJEKTIF PROGRAM**

- Membantu kifikiran awam, swasta, NGO dan orang awam untuk memahami secara khusus mengenai warisan institusi beraja melalui muzium dan isi kandungan Perlembagaan Persekutuan terutama tugas dan fungsi Yang di-Pertuan Agong
- Melatih kemahiran membuat tafsiran perlembagaan dengan betul dan tepat mengikut undang-undang negara khususnya berkaitan institusi beraja.
- Menjadi pegawai rujukan di agensi kerajaan dan swasta hal-hal berkaitan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang.

**PENCERAMAH**

YBHG. PROF. DATUK DR. SHAMRAHAYU AB AZIZ  
Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, UiTM Shah Alam

PUAN MITI FATEEMA SHERZEELA MOHD YUSOFF  
Pengarah Muzium Diraja, Jabatan Muzium Malaysia

**PENGISIAN PROGRAM**

Lawatan berbandar secara maya ke Muzium Diraja Kuala Lumpur

Slot 1:  
Muzium Sebagai Agen Memupuk Semangat Cintakan Negara

Slot 2:  
Peranan dan Fungsi Institusi Beraja dalam Perlembagaan Persekutuan

**SIAPA YANG PATUT SERTAI**

- Orang awam, kifikiran awam, swasta, dan NGO yang ingin memahami secara khusus mengenai warisan institusi beraja melalui koleksi dan berkaitan peranan raja dalam isi kandungan perlembagaan persekutuan;
- Bagi yang berminat untuk melatih kemahiran dalam membuat tafsiran perlembagaan dengan betul dan tepat berkaitan raja berperlembagaan.

**PENDAFTARAN:**  
<https://forms.gle/GiRhdpBcm34gJFbH6>

**YURAN**  
**RM 20.00**  
RM 10.00  
(Pelajar)

**Bayaran boleh dibuat melalui:**

**BANK ISLAM**  
BENDAHARI UITM

No Akaun: 12177010005636  
Rujukan: Kursus Legasi Raja-Raja

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:  
Cik Yan  
012-9043281  
kursirajamelayu@uitm.edu.my

Encik Syahrizul  
012-5934892  
pr.mdr@jmm.gov.my

**QR CODE**

(<https://news.uitm.edu.my/kursus-legasi-raja-raja/hnet-com-image-jpg/>)

Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke 64, Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Muzium Diraja Kuala Lumpur, Jabatan Muzium Malaysia Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mengadakan Kursus Legasi Raja-Raja secara dalam talian pada 18 Ogos 2021.

Kursus ini merupakan satu inisiatif bersama Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM dan Muzium Diraja dalam membantu orang awam terutamanya pelajar untuk mendalami dan memahami secara lebih mendalam mengenai warisan institusi beraja dan Perlembagaan Persekutuan mengikut tafsiran undang-undang negara. Penyertaan program ini disertai pelajar, warga UiTM, penjawat awam dan orang awam.

Lebih menarik penganjur membawakan khas YBHG Prof Datuk Dr Shamrahayu Ab Aziz, Pakar Perlembagaan yang juga Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM mengulas secara ringkas Peranan dan Fungsi Institusi Beraja dalam Perlembagaan Persekutuan, manakala Puan Miti Fateema Sherzella Mohd Yusuf selaku Pengarah Muzium Diraja, mewakili Jabatan Muzium Malaysia menerangkan secara umum peranan dan fungsi Muzium sebagai agen memupuk semangat cintakan negara.

Penganjuran program sebegini ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kesedaran masyarakat khususnya kakitangan awam dan pelajar terhadap kepentingan institusi beraja di negara ini seterusnya melahirkan rasa tanggungjawab untuk mempertahankan kelestarian institusi ini demi kelangsungan bangsa, agama dan negara bagi generasi yang akan datang.

Copyright UiTM News Hub. All rights reserved.